



**PT3 2014**  
**PENTAKSIRAN TINGKATAN 3**  
21 SEJARAH (TUGASAN)

# **CONTOH PT3 2014 TUGASAN SEJARAH**

## **Kajian Perpaduan Kaum di Malaysia**

## Perancangan

## Jadual Kerja / Senarai Semak

Bil	Perkara	Halaman	Tarikh	Tandatangan
1a.	Tajuk kajian	3		
b.	Objektif kajian	4		
c.	Kaedah kajian	5		
d.	Kerangka kasar kajian	6		
e.	Sumber	7		
2.	Pengenalan	8		
3.	Kepentingan perpaduan kaum	9		
4.	Faktor yang menyumbang kepada pengukuhan	10		
5.	Cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum	11		
6.	Langkah untuk mengekalkan perpaduan kaum	12		
7.	Rumusan	13		
8.	Rujukan	14		
9.	Lampiran	15 - 17		

**\*\*\*Pelajar mesti ikut format yang ditetapkan oleh guru tingkatan sendiri.  
Guru yang berlainan mempunyai cita rasa yang berlainan.**

1. Tajuk Kajian

# BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

Ditulis oleh : \_\_\_\_\_

Tingkatan : \_\_\_\_\_

**\*\*\*Tajuk Kajian** : tulis besar-besar dalam satu muka surat (saiz A4).  
Contoh Perpaduan Teras Kejayaan / Bersatu Teguh, Bercerai Roboh /  
Satu Bangsa Satu Negara atau apa-apa sahaja yang berkaitan dengan  
“Perpaduan”.

**1b. Objektif Kajian**

- Menambahkan pengetahuan tentang konsep sebenar perpaduan kaum di negara kita.
- Memberi iktibar tentang kepentingan perpaduan kaum di Malaysia
- Menyenaikan faktor-faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum
- Mengetahui cabaran-cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum.
- Mencadangkan langkah-langkah untuk mengekalkan dan memantapkan perpaduan kaum.
- Memupuk semangat patriotisme dalam diri sendiri dan juga kalangan generasi muda melalui kajian ini. Bak kata perpatih, “bersatu teguh, bercerai roboh”.
- Memberi pengalaman yang bernilai semasa menjalani kajian tersebut.

**1c. Kaedah Kajian**

Sebanyak 4 kaedah kajian telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan bersistematik.

**i. Borang soal-selidik**

Sebanyak 20 keping borang selidik telah diedarkan kepada penduduk pelbagai kaum untuk diisi. Penduduk yang disoal-selidik adalah lingkungan umur 20 tahun hingga 70 tahun dan terdiri daripada pihak lelaki dan perempuan.

**ii. Temu bual**

Seorang tokoh politik, Yang Berhormat En. \_\_\_\_\_, telah ditemu bual untuk mendapatkan pendapat terhadap perpaduan kaum di negara kita. Tokoh ini dipilih kerana beliau merupakan ADUN pilihan rakyat daerah Petaling Jaya.

**iii. Rujukan**

Maklumat tambahan juga dilayari dari Internet, dan dibaca dari majalah, buku teks sejarah dan sebagainya di Perpustakaan Komuniti, Petaling Jaya.

**iv. Lawatan**

Lawatan ke Jabatan Penerangan Negara di \_\_\_\_\_ juga dilakukan pada \_\_\_\_ July 2014 pada jam \_\_\_\_\_. Banyak maklumat dalam bentuk risalah dan pamflet dari Jabatan ini.

**1d. Kerangka Kasar Kajian**

<b>Bil.</b>		<b>Butir</b>
1.	Pengenalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berikan definisi perpaduan</li> <li>- Mengambarkan keseluruhan kandungan hasil tugas</li> </ul>
2.	Kepentingan perpaduan kaum	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan masyarakat harmoni / penyayang</li> <li>- Memelihara kedaulatan negara / kestabilan politik</li> <li>- Membangunkan ekonomi negara</li> <li>- Meningkatkan imej negara di mata dunia</li> <li>- Menarik kedatangan pelancong</li> </ul>
3.	Faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sistem pendidikan penjajah</li> <li>- Isu perkauman</li> <li>- Peristiwa tradisi 13 Mei</li> <li>- Jurang ekonomi</li> </ul>
4.	Cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ancaman anasir luar (spt.....)</li> <li>- Kaum yang berbeza / bahasa / agama</li> <li>- Perbezaan idoeologi politik</li> <li>- Pemdapatan / ekonomi rakyat berlainan</li> </ul>
5.	Langkah untuk mengekalkan dan memantapkan perpaduan kaum	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kempen kerajaan seperti 1 Malaysia / DEB....</li> <li>- Program sukan seperti Perlawanan Piala Thomas</li> <li>- Amalan rumah terbuka / sambutan perayaan / semangat kejiranan</li> <li>- Bahasa Kebangsaan .....</li> </ul>
6.	Rumusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberi pengetahuan</li> <li>- Iktibar kepada diri, bangsa dan negara</li> <li>- Harapan yang relevan</li> </ul>
7.	Rujukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Buku / Akhbar / Majalah</li> <li>- Internet</li> <li>- Orang sumber</li> <li>- Tempat</li> </ul>
8.	Lampiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Borang soal-selidik</li> <li>- Soalan temu bual / dialog temu bual</li> <li>- Gambar /peta / dokumen</li> </ul>

*\*\*\*Butir-butir di atas adalah sebagai contoh dan panduan kepada pelajar sahaja. Pelajar mesti menghasilkan tugas tersendiri dan asli.*

**1e. Sumber****I. Buku**

Buku teks Sejarah Tingkatan 2 dan 3

**II. Internet**

[http:// www.andrewchoo.edu.my](http://www.andrewchoo.edu.my)

[http:// blogcikguazaman.blogspot.com](http://blogcikguazaman.blogspot.com)

**III. Tempat Lawatan**

Jabatan Penerangan Negara

Alamat :

**IV. Sumber orang temu bual**

Encik \_\_\_\_\_ Umur \_\_\_\_\_

di alamat \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**V. Tempat borang selidik diedarkan**

a. Kedai Kopi Ah Hock di alamat \_\_\_\_\_

b. Kedai Mamak Azman di alamat \_\_\_\_\_

**VI. Sumber-sumber lain seperti berikut boleh dinyatakan**

- Majalah / Siaran Radio / TV

- Jurnal / Akhbar

- Risalah / Pamphlet

- dan sebagainya seperti peta /gambar foto dengan sedikit maklumat / kapsyen  
(contoh: Gambar foto perlawanan Piala Thomas)

\*\*\* Nyatakan tarikh terbitan / halaman.....

## 2. Pengenalan

Mengikut kamus Dewan dan Pustaka, “Perpaduan” bermaksud \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_. Walaupun rakyat Malaysia berbilang etnik dan bangsa, tetapi mereka dapat hidup dengan aman sentosa. Kemerdekaan yang dikecapi oleh generasi kini adalah hasil perjuangan dan perpaduan masyarakat kita. Oleh sebab Malaysia terdiri daripada sebuah masyarakat majmuk, maka perpaduan kaum amat penting untuk memastikan agar peristiwa gelap 13 Mei tidak berulang kembali.

Faktor-faktor pengukuhan perpaduan seperti pencerobohan Lahat Datu dan peristiwa kehilangan MH 370 sudah pasti tidak dapat diselesaikan tanpa perpaduan rakyat. Tidak hairanlah, pelbagai langkah dan kempen tidak putus-putus diambil oleh kerajaan untuk memantapkan perpaduan negara.

Maka, marilah kita sama-sama berganding bahu seperti “aur dengan tebing” mengharungi cabaran-cabaran ke arah perpaduan demi kedaulatan negara yang tercinta.

### ***Rujukan:***

- i. <http://ba-cemerlangbahasadansastera.blogspot.com/2011/03/isu-perpaduan-kaum-di-malaysia-dr.html>
- ii. <http://mazvinaras.blogspot.com/2012/09/isu-integrasi-nasional-perpaduan-kaum.html>



### 3. Kepentingan Perpaduan Kaum

Masyarakat yang harmoni dapat dilahirkan jika rakyat pelbagai kaum hidup bertoleransi dan bersatu-padu. Ini dapat dilihat dengan budaya kunjung-mengunjungi terutamanya pada musim-musim perayaan. Jelaslah bahawa keharmonian masyarakat adalah kerana perpaduan masyarakat pelbagai kaum.

Selain itu, perpaduan kaum mampu menarik pelancong ke negara kita. Ramai pelancong tertarik dengan keunikan budaya masyarakat berbilang kaum yang hidup aman sentosa. Sebagai buktinya, pada tahun 2012, seramai 25.03 juta orang pelancong asing berkunjung ke negara kita. (*akhbar Berita Harian, tarikh \_\_\_\_\_, halaman \_\_\_\_\_*)

Di samping itu, perpaduan kaum juga dapat membangunkan ekonomi negara. Pelabur asing akan berpusu-pusu menanam modal di sesebuah negara yang stabil. Baru-baru ini pelabur dari pelbagai negara asing telah melabur modal sebanyak RM \_\_\_\_\_juta ke dalam projek Iskandar di negeri Johor ((*akhbar The Star, tarikh \_\_\_\_\_, halaman \_\_\_\_\_*))

#### ***Rujukan:***

- i. <http://cikguchom.blogspot.com/2013/06/karangan-10-kepentingan-perpaduan-kaum.html>
- ii. [http://retibahasa.blogspot.com/2011/10/kepentingan-perpaduan-kaum\\_03.html](http://retibahasa.blogspot.com/2011/10/kepentingan-perpaduan-kaum_03.html)

#### 4. Faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum

Antara faktor utama yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan adalah masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Setiap kaum mempunyai agama dan kebudayaan yang berbeza. Masing-masing kurang memahami antara satu sama lain dan menganggap mereka sahajalah yang terbaik.

Perbezaan pendapat politik juga tidak kurang diperbahaskan. Kempen-kempen pilihanraya kerap kali menimbulkan pelbagai isu sensitif yang akan memburukkan lagi masalah perpaduan. Jelaslah bahawa demi kepentingan parti politik tertentu, ada pihak yang sanggup meletakkan perpaduan negara bagai telur di hujung tanduk.

Penglibatan pelbagai kaum dalam ekonomi yang berbeza turut menyebabkan jurang pendapatan yang berlainan. Sememangnya satu dasar ekonomi bersama perlu dirancangkan sebelum timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan pelbagai kaum dan menjejaskan perpaduan negara.

#### ***Rujukan:***

- i. <http://cikguchom.blogspot.com/2013/06/karangan-8-usaha-usaha-memperkukuh.html>
- ii. <http://blogcikguazaman.blogspot.com/2011/10/topik-pilihan-karangan-spm.html>
- iii. <http://blogcikguazaman.blogspot.com/2011/10/topik-pilihan-karangan-spm.html>

## 5. Cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum

Terdapat beberapa cabaran yang perlu diharungi oleh setiap lapisan masyarakat. Cabaran yang utama ialah mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat dengan tujuan yang sama bak kata perpatih, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Ini terjurus ke arah masyarakat penyayang dan negara yang aman dan selaras dengan konsep 1 Malaysia tanpa mengira kaum, agama atau budaya.

Cabaran kedua ialah bagaimana mewujudkan masyarakat yang patuh dan cintakan negara. Setiap lapisan masyarakat perlu memiliki sikap persefahaman, penyayang, setia dan berbangga dengan negara sendiri disamping sanggup berkorban demi membentuk negara yang cemerlang.

Mewujudkan masyarakat yang matang dalam nilai keagamaan, kejiwaan dan beretika tinggi serta bermoral juga merupakan cabaran yang penting. Selaras dengan prinsip rukun negara yang bertujuan membentuk masyarakat yang maju bukan sahaja dalam kebendaan malah kerohanian sekali gus.

### ***Rujukan:***

- i. [http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130814/re\\_01/100-hari-Cabaran-kekalkan-perpaduan](http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130814/re_01/100-hari-Cabaran-kekalkan-perpaduan)
- ii. <http://melayumaya.blogspot.com/2012/09/tiga-cabaran-perpaduan-dan-integrasi.html>
- iii. <http://unclemilydungun.blogspot.com/2013/07/tiga-cabaran-untuk-mencapai-perpaduan.html>

## 6. Langkah untuk mengekalkan dan memantapkan perpaduan kaum

Pelbagai usaha boleh diambil untuk mengekalkan dan memantapkan perpaduan kaum sebelum “nasi menjadi bubur”. Antaranya adalah pengenalan sekolah wawasan. Melalui sekolah wawasan, pelajar dari pelbagai kaum dapat berinteraksi dan hidup dengan harmoni.

Selain itu, aktiviti sukan juga perlu diberi perhatian. Contohnya, dalam pertandingan Piala Thomas baru-baru ini, rakyat berbilang kaum bersatu-padu memberi sokongan penuh kepada pasukan negara semasa menentang pasukan negara Jepun. Jelaslah bahawa aktiviti sukan dapat memupuk semangat perpaduan kaum dalam kalangan pelbagai kaum.

Usaha kerajaan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan merupakan langkah utama untuk menyatukan masyarakat melalui komunikasi. Benarlah bahawa adalah tidak mustahil kita dapat melahirkan masyarakat yang bersatu-padu apabila rakyat pelbagai kaum dapat menguasai Bahasa Melayu.

Konsep 1 Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak merupakan langkah yang selari dengan Wawasan 2020 yang dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Mahathir Mohd bin Abdullah. Konsep ini berasaskan nilai-nilai perpaduan dan patriotisma yang merupakan pemangkin ke arah kemajuan negara.

### ***Rujukan:***

- i. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0729&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0729&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm)
- ii. <http://hand-book-1996.blogspot.com/2011/05/usaha-usaha-mengekalkan-perpaduan-kaum.html>
- iii. [http://tzulhafizsyam.blogspot.com/2013/04/waj-3106-bagaimana-cara-mengekalkan\\_9215.html](http://tzulhafizsyam.blogspot.com/2013/04/waj-3106-bagaimana-cara-mengekalkan_9215.html)

## 7. Rumusan

Tanpa prasangka, perpaduan merupakan agenda utama para pemimpin negara kita. Sikap bertolak-ansur, hormat-menghormati antara kaum harus sentiasa berada di dalam jiwa nyawa setiap kaum demi memupuk persefahaman yang kukuh. Isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perpaduan harus disingkirkan.

Penekanan berterusan harus diberi kepada pengecilan jurang ekonomi di bandar mahupun di luar bandar, pendapat politik yang sepakat serta pembentukan masyarakat sehaluan. Cabaran-cabaran untuk mengekalkan perpaduan bukan sahaja setakat dilaung-laungkan sahaja tetapi dipraktikan dengan segera.

Ini memberi iktibar kepada diri kita, bangsa dan masyarakat dengan harapan negara terus maju dan aman disamping menjadi teladah kepada dunia.

### ***Rujukan:***

- i. <http://www.ipgkbl.net/sejarah>

**8. RUJUKAN**

**1. Akhbar**

- a. Berita Harian, Tarikh ?, Halaman ?
- b. The Star, Tarikh ?, Halaman ?

**2. Internet**

- a. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0729&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0729&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm)
- b. <http://hand-book-1996.blogspot.com/2011/05/usaha-usaha-mengekalkan-perpaduan-kaum.html>
- c. [http://tzulhafizsyam.blogspot.com/2013/04/waj-3106-bagaimana-cara-mengekalkan\\_9215.html](http://tzulhafizsyam.blogspot.com/2013/04/waj-3106-bagaimana-cara-mengekalkan_9215.html)

**3. Majalah / Buku**

- a. Buku teks Sejarah, Tingkatan 2, Halaman ?
- b. Buku teks Sejarah, Tingkatan 3, Halaman ?
- c. Kamus Dewan dan Pustaka, Halaman ?

**4. Tempat**

- a. Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya

Alamat: \_\_\_\_\_

Tarikh lawatan: \_\_\_\_\_

- b. Jabatan Penerangan Malaysia

Alamat: \_\_\_\_\_

Tarikh lawatan: \_\_\_\_\_

**9. Lampiran**

Gambar pelbagai kaum

Rakyat pelbagai etnik hidup aman damai di  
Malaysia

Gambar Jabatan Penerangan Negara /  
Perpustakaan

Jabatan Penerangan Negara  
Alamat: \_\_\_\_\_

Gambar Perlawanan Badminton  
Piala Thomas

Sukan menyatupadukan rakyat menyokong  
pasukan negara

Gambar temu bual dengan tokoh

Encik \_\_\_\_\_ yang ditemu bual  
pada tarikh \_\_\_\_\_ di alamat  
\_\_\_\_\_.

Gambar tempat borang soal selidik yang  
diedarkan

Kedai Mamak \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Tempat borang soal selidik diedarkan.

Photostat keratan  
akhbar / majalah

**Lampiran (1)****1b (i) Borang soal selidik yang telah digunakan**

1. Nama	:	_____	2. Umur	:	_____
3. Jantina	:	_____	4. Bangsa	:	_____
5. Alamat	:	_____ _____			
6. Pekerjaan	:	_____			
7. Berikan tahap perpaduan kaum di negara kita.					
Sangat baik [    ]            Baik [    ]            Sederhana [    ]            Kurang [    ]					
8. Berikan langkah-langkah yang boleh mengekalkan dan memantapkan perpaduan kaum.					
i. _____					
ii. _____					
iii. _____					
iv. _____					
9. Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran yang perlu dihadapi?					
i. _____					
ii. _____					
iii. _____					
iv. _____					
10. Sebagai seorang warganegara Malaysia, apakah yang anda akan lakukan untuk mencapai perpaduan kaum di negara kita?					
_____					
_____					
_____					



**Lampiran (2)**

**1b (i) Soalan-soalan yang digunakan dalam temu bual**

1. Nama
2. Umur dan jantina
3. Pekerjaan
4. Bangsa
5. Alamat
7. Berikan tahap perpaduan kaum di negara kita.
8. Berikan langkah-langkah yang boleh mengekalkan dan memantapkan perpaduan kaum.
9. Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran yang perlu dihadapi?
10. Sebagai seorang warganegara Malaysia, apakah yang anda akan lakukan untuk mencapai perpaduan kaum di negara kita?

Atau,

\*\*\* Pelajar boleh menulis satu **dialog temu bual** antara pelajar dengan orang yang ditemu bual.

**\*\*\* *Pelajar tidak boleh meniru bulat-bulat atau Piagam. Gunakan tips ini sebagai panduan.***

**Get our 100% exam tips (PT3)  
for BM, BI, Mathematics, Science &  
Kemahiran Hidup (Teras)**

**Pre-order now  
via [www.andrewchoo.com.my](http://www.andrewchoo.com.my)**

***or***

**Join our [LIVE Seminar PT3](#) at  
University Malaya on 14 Sept'14 (Sun)**